

RAKAN PENDAMPING SISWA - TUJUH KURSUS WAJIB



RAKAN PENDAMPING SISWA - THE SEVEN PILLARS



RAKAN PENDAMPING SISWA - TUJUH KURSUS WAJIB

RAKAN PENDAMPING SISWA - THE SEVEN PILLARS

## PENDAHULUAN

Menyedari bahawa Sistem Penasihat dan Rakan Pendamping Siswa (RPS) bukanlah merupakan satu-satunya program yang akan menjadi penentu kepada keupayaan akademik dan sahsiah diri pelajar, maka beberapa pendekatan tambahan perlu dilaksanakan sebagai sokongan kepada program tersebut tersebut. Memenuhi tuntutan tersebut, maka KUKUM merancang untuk mengadakan program yang akan melibatkan semua pelajar daripada tahun pertama hingga ke tahun empat secara berterusan. Program yang dicadangkan adalah bertujuan untuk menyimbangkan antara IQ dan EQ pelajar KUKUM supaya lebih terbiasa sahsiah serta rupa diri mereka untuk berhadapan dengan era globalisasi.

Di bawah program ini pelajar-pelajar perlu mengikuti tujuh kursus/seminar/bengkel yang ditetapkan sepanjang empat tahun mereka belajar di KUKUM. Struktur program adalah seperti berikut:

### 1. Pelajar Tahun Pertama

Pelajar di tahun pertama akan diwajibkan menyertai dua kursus yang berkaitan dengan pembentukan patriotisme dan jati diri sebagai warganegara Malaysia serta pelajar KUKUM. Dua kursus/program tersebut ialah:

- i. Kursus Bina Negara Asas Mahasiswa (KBNAM)  
Kursus ini perlu dihadiri oleh pelajar semester pertama.  
Tempoh Masa Kursus : 5 hari 4 malam  
Mod Kursus: Dalam Dewan/Kawasan Kem
- ii. Program Mahasiswa dan Masyarakat.  
Kursus ini perlu dihadiri pelajar semester dua.  
Tempoh Masa Program : 1 hari  
Kandungan Program : Aktiviti Lasak/Luar Kem  
Contoh ; Jalan kaki sejauh 50 km, terdapat aktiviti-aktiviti sampingan yang bercorak kemasyarakatan sepanjang perjalanan tersebut.

#### Pelaksanaan Kursus/Program

Kursus Bina Negara Asas akan dilaksanakan dengan kerjasama Biro Tatanegara, Jabatan Perdana Menteri (BTN). Modul, masa dan tempat kursus diadakan bergantung kepada perbincangan antara KUKUM dan juga BTN. Bagaimanapun tarikh kursus juga bergantung kepada kesesuaian dengan jadual akademik pelajar.

Manakala program Mahasiswa Dan Masyarakat akan dilaksanakan semasa pelajar sedang mengikuti pengajian di Semester 2 tahun 1. Program ini akan menyaksikan pelajar-pelajar melaksanakan aktiviti yang bersifat agak lasak bersama dengan masyarakat di Negeri Perlis misalnya Program Jalan Kaki 50 km. Aktiviti ini akan membolehkan pelajar melaksanakan beberapa program kemasyarakatan di setiap check-point sepanjang perjalanan 50 km tersebut. Contoh aktiviti kemasyarakatan yang boleh dilaksanakan ialah gotong-royong.

## INTRODUCTION

Realizing of Counseling System under the programme of 'Rakan Pendamping Siswa (RPS)' is not the only programme that can determine students' character and academic ability, other approaches should be implemented to supplement it. To meet this intention, KUKUM plans to implement programme that will require the continuous involvement of all students from year one to year four. The programme planned aims to balance KUKUM students' IQ and EQ in order to help them to build better character and personality to face the globalisation era.

Under this programme will require students to follow seven courses / seminars / workshops which spread across the four years students are at KUKUM.

### 1. First Year Students

First year students are required to follow two courses related to the development of patriotism and originality as Malaysian and student of KUKUM. The two courses/programmes are:

- i. Undergraduate Foundation Course in Nation Building  
This course is meant for First Semester students  
Course duration: Five days and four nights  
Course venue: Lecture hall or at camp
- ii. Undergraduate and Society Programme  
The Second Semester students will take this course  
Programme Duration: One day  
Programme Content: Outdoor activities  
(Example: 50km walk with social activities incorporated along the way)

#### Programme/Course Implementation

Nation Building Foundation Course will be implemented in collaboration with the National Conduct Bureau (BTN), in The Prime Minister Department. The module, time and place for the course will be determined by KUKUM and BTN in their discussion. However, the decision on course date will depend on students' academic calendar.

The Undergraduate and Community programme will be implemented for students who are in their second semester in the first year of their studies. This programme will require students to participate in activities that are rigorous in nature together with the communities in Perlis, for example, the 50km walk. These activities will enable students to implement community programme at each check-point along the 50 km route. An example of the community activities that can be implemented is the communal 'self-help' (gotong-royong) programme.

## RAKAN PENDAMPING SISWA - TUJUH KURSUS WAJIB

### Rasional

Pelajar perlu didedahkan dengan unsur-unsur patriotisme dan jati diri seawal mereka di pusat pengajian tinggi untuk mengelakkan mereka daripada terpengaruh dengan elemen yang kurang sihat.

Program bersama masyarakat akan memberi peluang pelajar-pelajar IPT mengenduri cara hidup masyarakat pelbagai kaum serta aktiviti sosial lainnya. Dalam masa yang sama pelajar-pelajar IPT perlu menjadi anggota masyarakat yang dapat memberi input bermakna dalam masyarakat melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan.

Setelah menyertai dua kursus/program ini pelajar diharapkan:

- i. Memahami makna patriotisme
- ii. Lahir perasaan sayang kepada negara
- iii. Terbina jati diri sebagai rakyat Malaysia
- iv. Mempunyai keazaman yang tinggi menjadi pelajar cemerlang
- v. Memahami wawasan dan aspirasi negara
- vi. Memahami cara hidup masyarakat luar bandar
- vii. Komited untuk menjadi agen perubahan dalam masyarakat

Pelajar-pelajar tahun satu yang telah menyertai dua program ini di galakkan menulis eseи yang berkaitan dengan patriotisme. Satu mekanisme penilaian akan dibuat terhadap eseи-eseи yang baik dan akan dikeluarkan dalam Tinta HEP/My KUKUM. Terbitan ini boleh disifatkan sebagai ganjaran serta pengiktirafan pihak KUKUM kepada pelajar yang menghayati aspek patriotisme dan boleh digarabkan melalui tulisan-tulisan yang bermutu. KUKUM boleh mengubah paradigma yang menyatakan pelajar-pelajar di bidang kejuruteraan sering dikaitkan dengan penguasaan dan penglibatan yang lemah dalam aspek patriotisme. KUKUM mahu membuktikan bahawa dengan mempunyai mekanisme yang sesuai pelajar boleh dilatih serta di didik untuk terlibat dalam semua bidang yang positif.

## 2. Pelajar Tahun Dua

Pelajar di tahun dua akan menyertai dua program yang bersifat kemasyarakatan. Tumpuan diberikan terhadap aspek Pembangunan Insan/Pembangunan Sumber Manusia

- a. Program Bersama Komuniti / Permai Lagi Mempesona (Dilaksanakan Oleh Pelajar Semester Tiga)

### Sasaran

Bersama kumpulan sasar, pelajar boleh melaksanakan pelbagai aktiviti seperti OPKIM, anak angkat, penjagaan alam sekitar serta belia-belia kampung. Oleh kerana pelajar-pelajar KUKUM terlatih dalam bidang kejuruteraan, maka aktiviti yang memperkenalkan kreativiti mereka bagi faedah masyarakat setempat dialu-alukan.

Sekiranya program melibatkan sekolah, maka aktiviti seperti kem motivasi belajar, bimbingan akademik boleh juga dilaksanakan kepada pelajar-pelajar sekolah berkenaan.

## RAKAN PENDAMPING SISWA - THE SEVEN PILLARS

### Rationale

Students must be exposed to patriotic elements and self originality at the early stage while they are at institutions of higher learning to prevent them from being influenced by undesirable elements.

Community programme will offer the students the opportunities to be exposed to the various ethnic communities' way of life and also other social activities. At the same time the students need to become members of the society who can offer meaningful input to the community through the activities carried out.

After having taken part in the two courses/programmes, the students are expected to:

- i. Understand the meaning of patriotism.
- ii. Develop a love for the nation.
- iii. Develop the self originality (jati diri) of a citizen of Malaysia.
- iv. Possess the determination to be an excellent student.
- v. Understand the country's aspirations and vision.
- vi. Understand the way of life of the rural community.
- vii. Committed to become agent of change in the community.

The first year students who have undergone both programmes are encouraged to write essays on topics related to patriotism. These essays will be evaluated based on a procedure that will be decided later. The good essays will be published in Tinta HEP/MyKUKUM. These publications will become the rewards and recognitions for those students who value patriotism and can portray it through quality writing. KUKUM can change the paradigm that depicts engineering students as possessing weak command of and involvement in matters related to patriotism. KUKUM wants to prove that students can be trained and educated to get involved in all matters with positive values.

## 2. Second Year Students

Students in their second year of study will follow two programmes which are social in nature. The programme focus is on aspects of human/human resource development.

- a. 'Be with the Community' programme/Tranquil yet Enchanting (Carry out by third semester students)

### Aims/Objectives

Students can carried out activities such as OPKIM, fostered child, environmental care with the target group and the youth in the community. Since KUKUM students are trained in engineering fields, activities that reflect their creativity for the benefit of the community are much encouraged.

If schools are involved in the programme, activities such as learning motivation camp and academic guidance can be implemented for the students of the school involved.



## RAKAN PENDAMPING SISWA - TUJUH KURSUS WAJIB

## RAKAN PENDAMPING SISWA - THE SEVEN PILLARS

### Rasional

Pelajar-pelajar perlu didekah dengan realiti kehidupan masyarakat khususnya di luar bandar. Mereka juga perlu berperanan sebagai jurutera masyarakat bagi membantu menyelesaikan masalah masyarakat khususnya dalam membangun sumber manusia yang berkualiti. Mereka juga boleh membantu menyedarkan masyarakat tentang penjagaan alam sekitar. Adalah diyakini pelajar-pelajar yang telah berada di tahun kedua berupaya membawa peranan ini ke dalam masyarakat.

Program sebegini berupaya membentuk budaya ilmu dikalangan pelajar IPT sendiri kerana ianya mendorong mereka bercakap tentang motivasi dan kejayaan bersama pelajar-pelajar sekolah yang mereka temui sepanjang mengadakan program.

### Pelaksanaan

Tempat Dilaksanakan	: Kawasan Perkampungan/Sekolah.
Tempoh masa	: 2 hingga 3 hari
Peserta	: Satu kumpulan 100 orang
Tarikh	: Bergantung kepada pelajar (perlu dilaksanakan dalam semester 3)

### b. Wacana Sosial (Dilaksanakan oleh Pelajar Semester Empat)

#### Sasaran

Pelajar-pelajar boleh menganjurkan program ini di dalam atau di luar kampus KUKUM. Kerjasama dengan masyarakat luar atau rakan-rakan di IPTA lain di sekitar utara adalah digalakkan bagi melaksanakan program ini. Jika program dianjurkan bersama rakan-rakan daripada IPTA lain, ianya boleh bersifat program berdasarkan Zon misalnya "Wacana Sosial Mahasiswa Zon Utara".

#### Bentuk aktiviti yang boleh dilaksanakan:

- i. Seminar
- ii. Bengkel
- iii. Konvensyen
- iv. Kolokium

#### Isu-isu yang boleh di bincangkan:

- i. Kemiskinan
- ii. Pendidikan
- iii. Penagihan dadah (isu-isu sosial yang relevan)
- iv. Pengangguran di kalangan siswazah
- v. Isu-isu antarabangsa
- vi. Jurang ICT
- vii. Pembangunan
- viii. Globalisasi

### Rationale

Students need to be exposed to the reality of life in a community, especially that in the rural area. They should play the role of 'community engineer' in helping to resolve problems, especially those on quality human resources development. They can also help to raise awareness about the care of environment. It is believed that the second year students have the ability to play this role in the community.

Programme of such nature can develop a 'knowledge' culture among students in institutions of higher learning because the programme can induce them to take about motivation and success with students whom they meet through out the programme in schools.

### Implementation

Place of implementation: Community/school

Duration: 2 to 3 days

Participants: A group of 100 students

Date: Depending on the students involved

(need to be carried out during the third semester)

### b. Social Discourse (Carry out by Fourth Semester students)

#### Objectives/Aims

Students can organise such programme in or outside KUKUM campus. Collaboration with the community or students from other institutions of higher learning in the northern region is much encouraged. If the programme is jointly organised with students from other institutions, it can be based on zone, for example, 'Northern Zone Undergraduate Social Discourse'

#### Types of activities that can be implemented

- i. Seminar
- ii. Workshop
- iii. Convention
- iv. Colloquium

#### Issues that can be discussed

- i. Poverty
- ii. Education
- iii. Drug addiction (relevant social issues)
- iv. Unemployment among graduates
- v. International issues
- vi. ICT divide
- vii. Development
- viii. Globalisation



## RAKAN PENDAMPING SISWA - TUJUH KURSUS WAJIB

### Pelaksanaan

Tempat dilaksanakan	: Didalam/luar Kampus KUKUM
Peserta	: Kumpulan pelajar yang telah melaksanakan program di semester tiga.
Tempoh masa	: 1 atau 2 hari (Tidak melebihi 3 hari)
Tarikh	: Ditentukan oleh pelajar (perlu dilaksanakan di semester 4)

### Rasional

Pelajar perlu digalakkan untuk berbincang secara ilmiah isu-isu yang berkaitan dengan masyarakat di luar kampus agar mereka lebih peka kepada persekitaran sosial. Pengetahuan terhadap isu-isu semasa dalam negara amat penting kepada mahasiswa supaya mereka boleh berperanan sebagai jurutera dalam masyarakat. Dalam masa yang sama mereka adalah bakal pemimpin di masa hadapan dengan itu sudah sewajarnya mereka didekah dengan pelbagai isu yang patut diketahui.

Pendedahan kepada isu-isu antarabangsa juga adalah sesuai dengan tahap mereka sebagai siswa serta sebagai persediaan menghadapi globalisasi. Adalah diharapkan melalui perbincangan-perbincangan ilmiah seperti ini, pelajar dirangsang untuk menyuburkan budaya ilmu di kalangan mereka.

Program ini juga bertujuan intu menyeimbangkan antara IQ dan EQ pelajar-pelajar KUKUM. Keupayaan menyeimbangkan antara IQ dan EQ pelajar adalah sangat penting kerana iaanya melibatkan gambaran sebenar produk yang dihasilkan oleh Universiti. Elemen IQ diperolehi pelajar dalam bidang yang berkaitan dengan pengajian mereka. Sehubungan dengan itu aktiviti-aktiviti yang bersifat kemasyarakatan dilihat berupaya pula untuk menjana EQ mereka. Semua ini bertujuan untuk membentuk personaliti unggul di kalangan pelajar.

Setelah melengkapkan dua siri program di tahun dua, pelajar diharapkan :

- Memahami isu-isu utama dalam negara.
- Mengenali dengan lebih dekat isu-isu utama dalam masyarakat
- Menyedari wujudnya masalah dalam masyarakat yang perlu ditangani.
- Mencari formula atau pendekatan untuk membantu menyelesaikan permasalahan masyarakat.
- Memahami isu-isu antarabangsa yang sangat signifikan kepada mereka.
- Menguasai dan menyeimbangkan IQ dan EQ dalam arti kata yang sebenar.

## RAKAN PENDAMPING SISWA - THE SEVEN PILLARS

### Implementation

Place of implementation	: In or outside KUKUM campus
Participants	: Group of students who have carried out the third semester programme
Duration	: 1 or 2 days (not more than 3 days)
Date	: Decide by the students (must be carried out in the fourth semester)

### Rationale

Students must be encouraged to discuss academically social issues beyond their campus so that they are more aware of their social environment. Knowledge about current issues in the country is crucial for undergraduates to enable them to play the role of 'community engineer'. They are also the prospective future leaders, as such it is important that they are exposed to variety of issues that should be known.

Exposure to international issues is relevant to their status as undergraduate and preparation to face globalisation. It is hoped that through such academic discussions, students are motivated to further develop the knowledge culture among themselves.

This programme also aims to balance KUKUM students' IQ and EQ. The ability to balance students' IQ and EQ is important as it produces the real 'university products'. Students acquire their IQ through their academic studies and the social activities can enhance their EQ. All these aim to develop distinguished personality among the students.

**After having completed two programmes in the second year, students are expected to:**

- Understand major issues in the country.
- Acquainted with more closely the major issues in the community.
- Aware that there exist social problems that need to be resolved.
- Search for formulae or approaches that can help to resolve community problems.
- Understand international issues that are significant to them.
- Master and balance their IQ and EQ in the true sense.

### 3. Third Year Students

#### Objectives/Aims

Since third year students are required to do industrial training, they only need to take one course in their fifth semester of study. It is suggested that third year students take a course on leadership. The course is tentatively called 'Leadership Workshop'.



## RAKAN PENDAMPING SISWA - TUJUH KURSUS WAJIB

## RAKAN PENDAMPING SISWA - THE SEVEN PILLARS

### 3. Pelajar Tahun Tiga

#### Sasaran

Memandangkan pelajar tahun tiga perlu menjalani latihan industri, mereka hanya perlu mengikuti satu kursus sahaja di tahun tiga iaitu di semester lima. Adalah dicadangkan pelajar tahun tiga mengikuti kursus yang berkaitan dengan kepimpinan. Kursus tersebut boleh dinamakan sebagai "Bengkel Kepimpinan".

#### Rasional

Pelajar tahun tiga akan menjalani latihan industri, sehubungan dengan itu mereka akan berada dalam satu organisasi baru yang menuntut mereka memiliki kepelbagaiannya kemahiran termasuk juga kepimpinan. Penglibatan mereka dalam latihan industri membawa bersama imej universiti tempat mereka belajar. Dengan menyertai bengkel ini, pelajar akan memperolehi ilmu kepimpinan dan boleh di aplikasikan di tempat latihan mereka.

#### Pelaksanaan

Tempat Pelaksanaan Bengkel : Kampus KUKUM atau Pusat-Pusat Latihan  
Peserta : Satu kumpulan 100 orang  
Tempoh masa bengkel : 3 hari 2 malam.  
Tarikh : Bergantung kepada pelajar

#### Kandungan Bengkel

Teori-teori Kepimpinan (Ceramah/Diskusi) : 2 jam  
Amali/simulasi kepimpinan/LDK : 12 jam

#### Keperluan Tambahan

Setiap kumpulan pelajar yang melaksanakan program ini memerlukan bantuan lima orang pensyarah/pegawai yang berperanan sebagai fasilitator.

#### Setelah menyertai bengkel ini, pelajar diharapkan:

- Memahami teori-teori kepimpinan yang diamalka
- Belajar untuk menjadi pemimpin dalam organisasi
- Belajar untuk menjadi pengikut dalam organisasi.
- Mempelajari kemahiran soft skill dalam aspek kepimpinan.

### 4. Pelajar Tahun Empat

Pelajar di tahun empat perlu menyertai dua kursus yang berkaitan dengan kemahiran berkomunikasi dan etika sosial.

a. **Kursus Kemahiran Komunikasi**  
(Dilaksanakan oleh Pelajar Semester Tujuh)

#### Rasional

Tahun empat adalah tahun akhir mereka belajar di KUKUM. Selepas itu pelajar akan berhadapan dengan dunia pekerjaan yang sebenar.

#### Rationale

Third year students will undertake industrial training in which they will be stationed at a new organisation which requires them to possess various skills including leadership. They bring the name of their university with them to their industrial training. By attending this workshop, students will be equipped with the knowledge of leadership which they can apply at their place of training.

#### Implementation

Venue : KUKUM campus or Training Centres  
Participant : A group of 100 students  
Duration : 3 days and two nights  
Date : Decide by the students

#### Workshop Contents

Leadership theory (Talk/Discussion): 2 hours  
Practical/simulation/LDK: 12 hours

#### Additional Requirements

Five lecturers/officials are required to assist each group of students as facilitators.

#### After attending the workshop, students are expected to:

- Understand the leadership theories that have been practised
- Have learned to become leader in an organisation
- Have learned to become follower in an organisation
- Have acquired the soft skills of the various aspects of leadership.

### 4. Fourth Year Students

Fourth year students are required to follow two courses on communication skills and social ethics.

a. **Communication Skills course**  
(Taken by seventh semester students)

#### Rationale

The fourth year is the students' last year at KUKUM. They will face the real working world after this. The world outside the campus requires a graduate to adapt him/herself perfectly so that he/she can be more competitive and confident. Good and effective communication skills will help the graduates to carry themselves with confidence. The experience gained from being with their university mates for four years and industrial training will definitely have provided them with useful input. This course on communication skills will polish their experiences through large group setting.



# LAPORAN TAHUNAN 200

## ANNUAL REPORT

### RAKAN PENDAMPING SISWA - TUJUH KURSUS WAJIB

Suasana di luar kampus menuntut satu penyesuaian yang sempurna oleh seseorang yang bergelar mahasiswa agar mereka lebih berkeyakinan dan berdaya saing. Sehubungan dengan itu amalan komunikasi yang baik dan berkesan dilihat memainkan peranan penting bagi membolehkan mahasiswa tampil dengan penuh keyakinan. Pengalaman bersama kawan-kawan sepanjang pengajian serta pengalaman ditempat latihan industri sudah tentu memberi input baru yang berguna kepada pelajar. Dengan itu Kursus Kemahiran Komunikasi ini bertujuan untuk menggabungkan semua pengalaman-pengalaman terdahulu supaya dapat diilah melalui kumpulan yang besar.

#### Pelaksanaan

Tempat	: Kampus KUKUM/Pusat Latihan
Tempoh Masa Kursus	: 3 hari 2 malam
Peserta	: 100 orang satu kumpulan
Tarikh	: Bergantung kepada kumpulan pelajar

#### Kandungan

- Ceramah Teori Komunikasi : 2 jam  
(Komunikasi kelompok kecil,  
Kelompok besar, komunikasi organisasi)
- Simulasi amalan komunikasi : 12 jam  
(Pelajar akan praktik amalan komunikasi berkesan dalam kumpulan kecil masing-masing)

#### Keperluan Tambahan

Bantuan pensyarah PKKK sebagai fasilitator dalam program ini sangat diperlukan. Setiap kumpulan memerlukan lima orang fasilitator.

#### Setelah mengikuti kursus ini pelajar diharapkan:

- Mengetahui skill untuk berkomunikasi dalam kumpulan kecil, kumpulan besar dan komunikasi dalam organisasi.
  - Mendapat pengalaman amalan komunikasi berkesan.
  - Belajar menerima dan menghormati pandangan orang lain dalam kumpulan.
- b. **Kursus Etika Sosial (Dilaksanakan oleh Pelajar Semester Lapan)**

Kursus ini wajib dihadiri oleh pelajar-pelajar semester lapan. Kursus ini berkehendakkan pelajar menghadiri bengkel temuduga serta kursus/bengkel etiket sosial

#### Rasional

Kursus ini penting sebagai medium untuk mendedahkan pelajar kepada aspek-aspek temuduga yang bakal mereka hadapi untuk berhadapan dengan alam pekerjaan setelah tamat belajar. Mereka perlu diajar dan diberi pendedahan tentang perkara-perkara penting dalam sesuatu sesi temuduga misalnya cara berpakaian.

### RAKAN PENDAMPING SISWA - THE SEVEN PILLARS

#### Implementation

Venue	: KUKUM campus/Training Centre
Duration	: 3 days and 2 nights
Participants	: A group of 100 students
Date	: Depending on the group of students involved.

#### Contents

- Talk on communication theories: 2 hours  
(Small group, large group, and organisational communication)
- Practical/simulation on communication practice: 12 hours  
(Students will practise effective communication in their respective small group)

#### Additional Requirements

PKKK lecturers are very much needed as facilitators in this programme. 5 facilitators are need for each group.

#### After having followed the course, students are expected to:

- Know the skills required for small group, large group and organisational communications.
  - Gain experience from effective communication practice
  - Have learned to accept and respect other group members' opinions
- b. **Social Ethics Course (Taken by eighth semester students)**

Students in the eighth semester are required to attend this course. This course will require the students to attend workshop on interview and on social etiquettes.

#### Rationale

This course will act as an important medium for exposing students to the various aspects of job interview that they will encounter in order to enter the working world after their graduation. They must be taught and exposed to the fine points of interview, for example, ways of dressing.

Besides this, they should also be taught social ethics since they will be come into contact with people with varied social behaviour and groupings at the workplace. They should be given training on customs and etiquettes for attending official functions.

A course of this nature will be able to raise their confidence and self-esteem as graduate. Such characteristics are always considered as added values by potential employers. As such, it is necessary to equip students with the knowledge and training on matters related to social ethics.



# LAPORAN TAHUNAN 2007

## ANNUAL REPORT 2007

### RAKAN PENDAMPING SISWA - TUJUH KURSUS WAJIB

### RAKAN PENDAMPING SISWA - THE SEVEN PILLARS

Di samping itu, pengetahuan tentang etika sosial juga wajar di beri perhatian memandangkan mereka akan berhadapan dengan pelbagai ragam serta golongan manusia di alam pekerjaan nanti. Mereka perlu diberi latihan tentang cara atau adab-adab menghadiri sesuatu majlis rasmi.

Kursus seperti ini diyakini berupaya meningkatkan keyakinan serta penghargaan kendiri mereka sebagai mahasiswa. Keupayaan untuk dilihat terbaik oleh bakal majikan/majikan tentulah mempunyai nilai tambah kepada seseorang pelajar apabila mereka berhadapan dengan alam pekerjaan. Justeru pelajar-pelajar perlu diberi pendidikan dan latihan dalam aspek-aspek yang berkaitan dengan etika sosial.

#### Pelaksanaan

Tempat	: Di kampus KUKUM
Tempoh masa	: 1-2 hari
Peserta	: Semua pelajar semester akhir.

#### Kandungan

- Pelajar akan menjalani proses amali temuduga.
- Cerumah dan amali kursus etika sosial

#### Keperluan Tambahan

Kakitangan KUKUM yang berpengalaman dalam bidang-bidang dinyatakan boleh membantu pelaksanaan kursus ini.

#### Setelah menyertai bengkel ini pelajar diharapkan:

- Memahami cara-cara, proses serta etika temuduga
- Merasai pengalaman di temuduga
- Terbina keyakinan diri
- Mempelajari adab sopan sesuatu majlis rasmi.

#### Rumusan dan cadangan

Pelaksanaan program Rakan Pendamping Siswa dan Tujuh Program Wajib seperti yang dirangkakkan adalah usaha pihak Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia untuk melengkapkan pelajar-pelajarnya dengan pelbagai ilmu yang sudah tentunya sangat berguna kepada pelajar. Jika diperhatikan, corak aktiviti serta pendekatan yang digunakan dalam pelaksanaan Rakan Pendamping Siswa dan Tujuh Program Wajib, ianya semata-mata bertujuan untuk membina sahsiah diri ke arah pembentukan apa yang dikenali sebagai personaliti unggul atau 'towering personality' pelajar-pelajar KUKUM.

Melalui dua program ini, adalah diharapkan pelajar-pelajar dapat memahami dan memberi kerjasama bagi pelaksanaan program yang diaturkan. Menjadikan peraturan dan undang-undang sahaja sebagai penentu kepada kehadiran ke program ini tidak akan membawa kesan yang baik kepada pelajar, sebaliknya pelajar perlu membawa bersama sifat keikhlasan mereka ke program tersebut. Ini bermakna perkataan keikhlasan yang terdapat dalam moto KUKUM itu sangat signifikan kepada seluruh agenda KUKUM.

#### Implementation

Venue: KUKUM campus

Duration: 1-2 days

Participants: All students in their last semester of study

#### Contents

- Students will undergo the interviewing process
- Talks and practical on social ethics

#### Additional Requirements

KUKUM staff members who have experience in the areas mentioned should be enlisted to help conduct the course.

#### After having attended the workshop, students are expected to:

- Understand the interviewing processes and ethics
- Have gained experience of attending interview
- Have developed self confidence
- Have learned the customs and etiquettes for attending official functions

#### Conclusion and Suggestion

The implementation of 'Rakan Pendamping Siswa' and the proposed Seven Pillars programmes is part of KUKUM's effort to equip all students with varied useful knowledge. It can be seen that the approaches used and the activities carried out in the two programmes are solely meant to help the development of the 'towering personality' among KUKUM students.

It is hoped that through these two programmes, students will realise and appreciate the rationales of the needs to all programmes planned and give their cooperation to the implementation. Using rules and guidelines solely as the determining factors for attendance will not have positive impact on students. Students must develop in them the sincerity to attend the programmes. The 'sincerity' in KUKUM's motto is significant in all of her agenda.

It is also necessary for KUKUM to appreciate the cooperation and commitment shown by the students in attending the Seven Pillars programme. It is believed that 'merit' should be given to those who complete the programme satisfactorily. The merit awarded is a form of reward for those who successfully complete all courses in the programme. Beside, the award of merit in this context will also add value to their academic achievement.



# LAPORAN TAHUNAN 2004

## ANNUAL REPORT

### RAKAN PENDAMPING SISWA - TUJUH KURSUS WAJIB

### RAKAN PENDAMPING SISWA - THE SEVEN PILLARS

Dalam masa yang sama pihak universiti juga perlu menghargai kerjasama serta komitmen pelajarnya dalam memenuhi tujuh program wajib tersebut. Sehubungan dengan itu adalah wajar sekiranya sesuatu yang bersifat merit dapat diberikan kepada mereka sekiranya dapat melengkapkan semua tujuh siri kursus yang dicadangkan ini. Pemberian merit tersebut boleh disifatkan sebagai ganjaran kepada pelajar yang berjaya mengharungi semua program yang diaturkan. Sudah tentu pemberian merit yang bersesuaian kepada pelajar dalam kontek ini juga boleh disifatkan sebagai mempunyai nilai tambah terhadap pencapaian akademik mereka.